

SALAH GUNA TANAH LAPANG: KAJIAN KES RADIUS 5 KM DARI PUSAT
BANDAR TAIPING

MOHAMMAD AZMAN BIN ABDUL MAJID

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

DEDIKASI

Untuk keluarga tercinta,

Untuk penyelia dan pensyarah.

Untuk sahabat dan rakan taulan

Sokongan anda menjadi sumber inspirasi dalam perjalanan menimba ilmu ini

Semoga Allah jua yang membalas jasa baik semua

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, dalam menyediakan kajian dan tesis ini, saya merasa amat terhutang budi dengan beberapa pihak di antaranya ialah Penyelia saya iaitu **Sr. Dr. Megat Mohd Ghazali bin Megat Abd Rahman** yang paling banyak memberikan bimbingan, galakan dan dorongan sepanjang penyediaan tesis ini, Penyelaras Program Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) iaitu **Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria**, panel pemeriksa **Dr. Wan Ibrisham Fikry bin Wan Ismail dan Dr. Robiah binti Suratman** yang telah memberikan komen dan cadangan membina bagi memperbaiki kajian agar lebih baik dan tersusun. Begitu juga kepada para pensyarah yang telah mendidik saya dengan penuh komited, tekun dan sabar.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada pihak Fakulti Alam Bina dan Ukur secara amnya dan Jabatan Harta Tanah secara khususnya atas segala bantuan yang dihulurkan kepada saya dan rakan-rakan selaku pelajar dari kumpulan Pesisir Ipoh. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan kepada pihak-pihak yang telah banyak membantu serta menjayakan kajian dan tesis ini, antaranya ialah pihak Majlis Perbandaran Taiping, Pejabat Tanah dan Daerah Larut Matang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bahagian OSC Majlis Perbandaran Taiping serta pelbagai pihak lain yang telah membantu sama ada secara langsung mahu pun secara tidak langsung, yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu di ruangan ini.

Buat rakan-rakan seperjuangan MSc LAD Pesisir Ipoh 2019-2020 tanpa kalian pastinya perjalanan ini tidak mampu ditempuhi dari awal sehingga ke penghujungnya. Jasa dan pengorbanan kalian, semoga Allah membalasnya dengan jutaan rahmatnya.

ABSTRAK

Penggunaan kawasan tanah lapang mencerminkan kualiti kehidupan sesebuah masyarakat dan menjadi penentu status kemampunan sesebuah kawasan komuniti. Penyediaan tanah lapang merupakan elemen penting dalam merangka pelan perancangan bagi setiap pembangunan terutama pembangunan skim perumahan untuk memenuhi keperluan populasi penduduk yang semakin bertambah untuk memiliki rumah kediaman. Manfaat kualitatif telah dibuktikan melalui banyak kajian dengan penyediaan kawasan tanah lapang yang telah memberi sumbangan dari segi kesihatan, sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat seterusnya dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat dan kualiti persekitaran. Namun jika tanah lapang disalah guna, ia tidak mencapai matlamat seratus peratus penyediaannya sebagai kawasan tanah lapang dan memberi kesan untuk menikmati manfaatnya kepada komuniti setempat. Oleh itu, kajian ini mengkaji isu penggunaan tanah lapang dalam radius 5 km dari Bandar Taiping. Kajian kualitatif ini menggunakan teknik pengumpulan data secara temubual dengan sepuluh responden yang terdiri daripada pegawai dari agensi pelaksana dasar di peringkat kerajaan tempatan. Dalam kajian ini, semua responden yang dipilih telah dikenalpasti dan teknik persampelan bertujuan digunakan. Pengumpulan data diperolehi melalui kaedah temu bual dan juga lawatan ke kawasan kajian. Analisis kajian menunjukkan berlaku fenomena salah guna tanah lapang dalam skop persempadanan kajian. Sembilan faktor iaitu kelewatan proses pewartaan, maksud pewartaan, kekurangan peruntukkan PBT, pematuhan terhadap polisi tanah lapang oleh pemaju, tanah lapang tidak ekonomik, bentuk dan saiz, struktur tanah yang tidak sesuai, kepincangan penentuan lokasi semasa kelulusan pelan perancangan dan kesesuaian tanah bersempadan yang dibuat. Kajian telah dikenalpasti turut menyumbang kepada punca berlakunya salah guna tanah lapang, cadangan penyelesaian dan penambahbaikan. Dalam kajian ini, diharap dapat memenuhi keperluan penduduk seiring dengan proses urbanisasi dan kepesatan pembangunan bagi membendung berlakunya fenomena salah guna tanah lapang yang dihadapi pada masa hadapan.

ABSTRACT

The usage of the open land reflects the quality of life of a community and determinant of the sustainability status of a community area. The provision of open space is an important element in formulating a planning plan for each development, especially the development of housing schemes to meet the growing population. Qualitative benefits have been proven through many studies with the provision of open land that has contributed in terms of health, social, economic and social welfare subsequently improve the quality of life of the community and the quality of the environment. However, it does not achieve the goal of one hundred percent preparation as open land area and has the effect of enjoying its benefits to the local community if open land is misused. Therefore, this study examines the issue of open land use within a radius of 5 km from Taiping City. This qualitative study uses data collection techniques by the interviews with various respondents consisting of officials from policy implementing agencies at the local government level. In this study, all selected respondents were identified and used purposeful sampling techniques. Data collection was obtained through interview methods as well as visits to the study area. The analysis of the study shows that there is a phenomenon of land abuse in the scope of the study. Nine factors, namely delays in the gazetting process, the purpose of gazetting, lack of local authority allocation, compliance with open land policy by the developer, uneconomical open space, shape and size, inappropriate land structure, location defects during planning plan approval and boundary land suitability made. Studies have been identified as contributing to the causes of open land misuse, proposed solutions and improvements. In this study, it is hoped to meet the needs of the population in line with the process of urbanization and rapid development to curb the occurrence of the phenomenon of open land abuse faced in the future.

ISI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKASURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	ISI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.1.1 Dasar Penyediaan Tanah Lapang	2
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Persoalan Kajian	4
	1.4 Matlamat Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	5
	1.7 Kepentingan Kajian	6
	1.8 Metodologi Kajian	7
	1.8.1 Reka Bentuk Kajian	11
	1.8.2 Pengumpulan Data	11
	1.8.3 Pengumpulan Data Primer	12
	1.8.4 Pengumpulan Data Sekunder	15
	1.8.5 Analisis Data	16
	1.9 Susun Atur Bab	17

BAB 2	ISTILAH PENGGUNAAN TANAH LAPANG DAN PERUNDANGAN	21
2.1	Pendahuluan	21
2.2	Definasi Tanah Lapang	22
2.3	Peruntukkan Undang-undang di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965)	23
2.4	Definasi Tanah Lapang di luar Negara	24
2.5	Keperluan Penyediaan Tanah Lapang	26
2.6	Hierarki Tanah Lapang.	26
	2.6.1 Dasar Perancangan Tanah Lapang di Semenanjung Malaysia	27
2.7	Tanah Lapang di dalam Perumahan Terancang	32
2.8	Dasar 10 Peratus	33
	2.8.1 Kesihatan dan Kesejahteraan Masyarakat	35
	2.8.2 Sosial	36
	2.8.3 Ekonomi	36
	2.8.4 Ekologi Persekitaran	37
2.9	Kajian Literatur Berkaitan Pembangunan Tanah.	41
2.10	Punca Faktor Berlakunya Salah Guna Tanah Lapang.	42
	2.10.1 Faktor Perundangan	42
	2.10.2 Maksud Pewartaan	45
	2.10.3 Faktor Ekonomi	45
	2.10.4 Sikap Pemaju	46
	2.10.5 Sumber Semulajadi (Kekurangan Tanah Sedia Ada)	47
	2.10.6 Bentuk Dan Saiz Lot Tanah Lapang	47
	2.10.7 Struktur Tanah lapang	48
	2.10.8 Kepincangan Dalam Menentukan Lokasi Kawasan Lapang Semasa Kelulusan Pelan Perancangan	48
	2.10.9 Kesesuaian Tanah Bersempadanan	48
2.11	Rumusan	49

BAB 3	KAJIAN KES: SALAH GUNA TANAH LAPANG RADIUS 5 KM DARI PUSAT BANDAR TAIPING	51
3.1	Pendahuluan	51
3.1.1	Sejarah Bandar Taiping	51
3.2	Info PBT dalam Daerah Larut Matang & Selama	54
3.3	Majlis Perbandaran Taiping.	55
3.4	Organisasi Majlis Perbandaran Taiping	56
3.4.1	Fungsi dan peranan Majlis Perbandaran Taiping.	58
3.5	Klasifikasi Kajian	59
3.6	Skop Persempadanan	59
3.7	Piawaian Perancangan Tanah Lapang Dan Rekreasi Negeri Perak	61
3.7.1	Dasar Perlaksanaan	61
3.7.2	Prinsip- Prinsip Perancangan	62
3.7.3	Perancangan Tapak	66
3.8	Rumusan	68
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	69
4.1	Pendahuluan	69
4.2	Kaedah Pengumpulan Data Dan Analisis Data	70
4.3	Responden Kajian Salah Guna Tanah Lapang Radius 5 Km Dari Pusat Bandar Taiping	71
4.4	Analisis Kebolehpercayaan Responden	72
4.5	Analisis Salah Guna Tanah Lapang	74
4.6	Analisis Penilaian Terhadap Penggunaan Tanah Lapang.	75
4.6.1	Sebahagian Dari Kawasan Tanah Lapang Telah Disalah Guna.	75
4.6.2	PBT Bertanggungjawab Untuk Mencegah Dan Memulihkan Kacau Ganggu Penyalahgunaan Tanah Lapang Di Bawah Seksyen 72 (f) (iii) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	86
4.6.3	Adakah PBT Mempunyai Peruntukkan Undang-Undang/Prosuder/ Garis Panduan Selain Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171 Yang Boleh Digunapakai) Untuk	

	Menguatkuasa Kacau Ganggu Disebabkan Salah Guna Tanah Lapang.	88
4.6.4	Pemaju Perlu Mematuhi Syarat Ketetapan Yang Telah Dibuat Oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Mengikut Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang Dan Rekreasi Tahun 2000 (JPBD: 7/2000) Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang Dan Kawasan Rekreasi Edisi 2013 Bagi Penyediaan 10 % Tanah Untuk Tujuan Tanah Lapang Awam. Dalam Setiap Skim Pembangunan Yang Melebihi 3 (Tiga) Ekar .	90
4.7	Faktor Yang Mempengaruhi Berlakunya Salah Guna Tanah Lapang	93
4.7.1	Kelewatan Proses Pewartaan	94
4.7.2	Maksud Pewartaan (Bagi Kegunaan Kawasan Lapang Sahaja).	95
4.7.3	Kekurangan Peruntukan Kewangan PBT.	95
4.7.4	Pematuhan Polisi Kawasan Tanah Lapang Oleh Pemaju.	96
4.7.5	Kekurangan Tanah Sedia Ada Bagi Pembangunan Tanah Lapang Yang Ekonomik.	96
4.7.6	Struktur Tanah Yang Tidak Sesuai	97
4.7.7	Kepincangan Dalam Menentukan Lokasi Kawasan Tanah Lapang Semasa Kelulusan Pelan Perancangan.	98
4.7.8	Kesesuaian Tanah Bersempadanan Dengan Kawasan Tanah Lapang.	98
4.8	Kaedah Penyelesaian Salah Guna Kawasan Tanah Lapang	98
4.8.1	Kajian Dan Pindaan Semula Maksud Pewartaan	99
4.8.2	Pembangunan Tanah Lapang Yang Tidak Ekonomik Diberi Pajakan Di Bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara	100
4.8.3	Pelupusan Tanah Lapang Di Bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara	101
4.8.4	Kos Pembangunan Tanah Lapang Ditanggung Bersama Antara PBT Dan Penduduk	102
4.9	Penggunaan Tanah Lapang Dalam Radius 5 KM Dari Pusat Bandar Taiping	102

4.10	Rumusan	103
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	105
5.1	Pendahuluan	105
5.2	Penemuan Utama Kajian	105
5.3	Pencapaian Objektif Pertama: Mengenalpasti Tanah-Tanah Lapang Dalam Radius 5 Km Dari Pusat Bandar Taiping	107
5.4	Pencapaian Objektif Kedua : Mengenalpasti Penggunaan Tanah-Tanah Lapang Dalam Radius 5 Km Dari Pusat Bandar Taiping.	107
5.5	Pencapaian Objektif Ketiga : Mengenalpasti Faktor Permasalahan Yang Wujud Terhadap Penggunaan Tanah-Tanah Lapang.	108
5.6	Cadangan Penambahbaikan Bagi Mengatasi Berlakunya Salah Guna Tanah Lapang.	108
5.7	Sumbangan Dalam Bidang Keilmuan	110
5.8	Limitasi Kajian	111
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	111
5.10	Kesimpulan	112
	RUJUKAN	113
	LAMPIRAN	119

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
Jadual 1. 1	Rangka Jangkamasa dan Proses Perancangan Kajian	17
Jadual 2. 1	Fungsi dan jarak antara berbagai-bagai taman awam dengan tempat kediaman (JPBD Semenanjung Malaysia, 2000)	30
Jadual 2. 2	Klasifikasi tanah lapang dan kawasan hijau menurut kajian Rakhshandehroo dan Yusof (2014)	38
Jadual 3. 1	Mukim dan keluasan dalam kawasan operasi MPT	55
Jadual 3. 2	Berikut Adalah Sejarah Perkembangan Pentadbiran Kerajaan Tempatan Taiping	56
Jadual 4. 1	Perincian responden	71
Jadual 4. 2	Kebolehpercayaan responden	73
Jadual 4. 3	Perincian status pewartaan tanah lapang	74
Jadual 4. 4	Analisis jawapan responden terhadap salah guna tanah lapang	76
Jadual 4. 5	Butiran tanah lapang lot 10066 Mukim Asam Kumbang	77
Jadual 4. 6	Butiran tanah lapang Plot 467 Mukim Assam Kumbang	80
Jadual 4. 7	Butiran tanah lapang Plot 466 Mukim Asam Kumbang	82
Jadual 4. 8	Butiran tanah lapang Plot 468 Mukim Asam Kumbang	83
Jadual 4. 9	Butiran tanah lapang Lot 7280 Mukim Tupai	84
Jadual 4. 10	Analisis jawapan responden terhadap mencegah dan memulihkan kacau ganggu penyalahgunaan tanah lapang oleh PBT	87
Jadual 4. 11	Analisis Jawapan Responden Terhadap PBT mempunyai peruntukkan undang-undang/prosuder/garis panduan selain Akta Kerajaan Tempatan 1976 (akta 171) untuk penguatkuasaan kacau ganggu salah guna tanah lapang	89

Jadual 4. 12 Pemaju perlu mematuhi syarat penyediaan 10 % tanah untuk tujuan tanah lapang awam dalam setiap skim pembangunan yang melebihi 3 (tiga) ekar

91

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 1. 1	Peringkat-peringkat metodologi kajian.	9
Rajah 2. 1	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan rekreasi Bilangan 7/2000	27
Rajah 2. 2	Piawaian Perancangan Tanah Lapang Bilangan 21/1997	28
Rajah 2. 3	Hirarki kawasan lapang (JPBD Semenanjung Malaysia, 2000)	31
Rajah 2. 4	Pengagihan kawasan lapang dalam projek pembangunan (JPBD Semenanjung Malaysia, 2000)	32
Rajah 2. 5	Tipologi kawasan hijau oleh kajian Swanwick <i>et al.</i> (2003)	41
Rajah 3. 1	Lokasi Bandar Taiping	53
Rajah 3. 2	Info PBT dalam Daerah Larut Matang & Selama	54
Rajah 3. 3	Carta organisasi Majlis Perbandaran Taiping	57
Rajah 3. 4	Kawasan Persempadan Kajian	60
Rajah 3. 5	Perletakan Tanah Lapang Dan Rekreasi Yang Memenuhi Prinsip Keselamatan, Mudahsampai Dan Integrasi	67
Rajah 4. 1	Perincian peratusan status pewartaan tanah lapang	75
Rajah 4. 2	Perbandingan pecahan jawapan responden terhadap salah guna tanah lapang	77
Rajah 4. 3	Pelan lokasi Lot 10066 tanah lapang Taman Bersatu Kampong Boyan	78
Rajah 4. 4	Gambar di atas tanah lot 10066	78
Rajah 4. 5	Pelan lokasi Plot 467 tanah lapang RKT Kampung Benggali	79
Rajah 4. 6	Gambar di atas tanah Plot 467	80
Rajah 4. 7	Pelan lokasi Plot 466 tanah lapang RKT Desa Simpang Sentosa	81
Rajah 4. 8	Gambar di atas tanah Plot 466	82

Rajah 4. 9	Pelan lokasi Plot 468 tanah lapang RKT Desa Simpang Sentosa	83
Rajah 4. 10	Gambar di atas tanah Plot 468	84
Rajah 4. 11	Pelan lokasi Lot 7280 Tanah Lapang Taman Kuning Sari.	85
Rajah 4. 12	Gambar di atas tanah Lot 7280	85
Rajah 4. 13	Pelan lokasi Lot 25649 Tanah Lapang Taman Simpang Setia.Mukim Assam Kumbang Keluasan 6030 meter persegi	86
Rajah 4. 14	Gambar di atas tanah lapang terbiar Lot 25649	86
Rajah 4. 15	Perbandingan Pecahan Jawapan Responden Terhadap mencegah dan memulihkan kacau ganggu salah guna tanah lapang oleh PBT	88
Rajah 4. 16	Perbandingan Pecahan Jawapan Responden	90
Rajah 4. 17	Perbandingan Pecahan Jawapan Responden Terhadap Penyediaan 10 % (sepuluh peratus) tanah lapang awam dalam setiap skim pembangunan yang melebihi 3(tiga) ekar	92
Rajah 4. 18	Faktor Mempengaruhi Berlakunya Salah Guna Tanah Lapang	93
Rajah 4. 19	Kaedah Penyelesaian Salah Guna Kawasan Tanah Lapang	99
Rajah 4. 20	Princian penggunaan tanah lapang oleh pengkaji	103

SENARAI SINGKATAN

CABE	-	<i>Commission of Architecture and Built Environment</i>
DPN	-	Dasar Perbandaran Negara
JPBD	-	Jabatan Perancang Bandar dan Desa
JKKK	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong
KPKT	-	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
KM	-	Kilo Meter
KTN	-	Kanun Tanah Negara
MC	-	<i>Management Commitee</i>
MPT	-	Majlis Perbandaran Taiping
OSC	-	<i>One Stop Centre</i>
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PBPT	-	Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PTDLM	-	Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang
RPT	-	Rancangan Perkampongan Tersusun
SLOAP	-	<i>Space Left Over After Planning</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
Lampiran A	Borang Temubual Majlis Perbandaran Taiping	119
Lampiran B	Gambar Temu Bual Bersama Responden Majlis Perbandaran Taiping	126
Lampiran C	Gambar Kerja Di lapangan	127

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Takrifan tanah lapang mengikut perundangan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Merujuk kepada subseksyen 2(1) (Pindaan) 1995. Akta (A933), Seksyen 2(f). adalah :-

”mana-mana tanah samada yang dikepong atau tidak yang dikhas atau direzabkan untuk dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam atau sebagai suatu tempat awam”

Tanah lapang dan kawasan rekreasi secara langsung dan tidak langsung memberi implikasi dan mempengaruhi gaya hidup komuniti masyarakat setempat. Sungguhpun pelaksanaan dasar dan piawaian perancangan telah digubal serta diaplikasi di setiap peringkat perancangan pembangunan, masih terdapat pelbagai isu ditimbulkan seperti:-

- a) Terdapat perbezaan peraturan penyediaan tanah lapang yang disyaratkan untuk pembangunan di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Penyediaan tanah lapang bagi permohonan cadangan pembangunan sesuatu kawasan hanya memenuhi keperluan untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang.
- c) Lokasi tanah lapang yang ditentukan tidak sesuai dan penyediaannya tidak mencukupi.

- d) Terdapat tanah lapang yang tidak diwartakan setelah mendapat kelulusan pelan kebenaran merancang dari PBT dan kelulusan tanah dari PBN.
- e) Tanah lapang yang dibangunkan untuk aktiviti-aktiviti lain terutamanya kemudahan masyarakat dan infrastruktur.
- f) Lot kawasan lapang yang tidak ekonomik untuk dibangunkan bagi maksud kawasan rekreasi dari segi bentuk dan keluasan.
- g) Permohonan pembangunan berskala kecil dikecualikan daripada menyediakan kawasan lapang kerana keluasan pembangunan tidak tertakluk kepada syarat yang dikenakan.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) telah mengkaji semula dan menambah baik Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi yang disediakan pada tahun 2000 (JPBD: 7/2000) dengan menerbitkan Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi edisi 2013.

1.1.1 Dasar Penyediaan Tanah Lapang

Dasar-dasar sedia ada berkaitan perancangan dan penyediaan tanah lapang awam adalah:

- i. Skim-skim pembangunan tanah perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keluasan kawasan pembangunan sebagai tanah lapang awam.
- ii. Semua tanah lapang yang ditetapkan di dalam pelan susun atur pembangunan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) perlu diserahkan kepada PBN dan diwartakan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (KTN)

- iii. PBN perlu mengambil langkah-langkah bagi merizab danewartakan tanah lapang awam yang dicadangkan di dalam rancangan pemajuan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 62, KTN.
- iv. Rizab-rizab tanah lapang awam sedia ada perlu dikekalkan dan tidak boleh dibangunkan untuk tujuan kemudahan awam lain atau untuk kegunaan pembangunan guna tanah lain.

Untuk mencapai pembangunan yang seimbang dan mengurangkan implikasi pembangunan kepada persekitaran dasar penyediaan kuantiti 10 peratus kawasan lapang bagi projek skim pembangunan merupakan mekanisma yang sangat penting bagi kawalan perancangan dan pematuhan kepada garis panduan, piawaian dan syarat-syarat perancangan.oleh Pihak Berkuasa PerancanganTempatan. Dengan ini pemaju hartanah perlu mematuhi dasar 10 peratus yang telah ditetapkan serta membuat penyerahan segera kawasan lapang yang telah siap dibina dalam skim pembangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk diwartakan. Kerjasama pemaju dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah perlu untuk menjamin hak masyarakat terhadap penggunaan tanah tersebut sebagai kawasan lapang awam serta menghalang tanah tersebut daripada risiko dibangunkan.

1.2 Penyataan Masalah

Tanah yang diperuntukkan sebagai kawasan tanah lapang mempunyai senario yang berbeza. Ada kawasan tanah lapang yang telah diwartakan, ada pula kawasan tanah lapang yang belum diwartakan. Terdapat juga kes di mana kawasan tanah lapang yang telah diwartakan telah dibatalkan wartanya dan diluluskan untuk pembangunan komersial seperti skim perumahan dan perniagaan. Terdapat juga kawasan tanah lapang yang menjadi milik pihak pemaju iaitu semasa sesuatu skim pembangunan diluluskan tanah tersebut dikeluarkan hakmilik untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi dan riadah bagi manfaat penduduk yang menyertai skim perumahan tersebut.

Dalam kes Lee Freddie & Ors v. Majlis Perbandaran Petaling Jaya [1994] 3 MLJ 640, mahkamah memutuskan bahawa disebabkan kawasan lapang itu sebenarnya adalah tanah milik pemaju (walaupun telah sengaja dibiarkan oleh pemiliknya tinggal kosong untuk sekian waktu bagi membolehkan penduduk tempatan menggunakannya sebagai tempat riadah), pemilik berkenaan tetap berhak untuk memajukannya pada bila-bila masa, (Salleh Buang, 2014).

Walaupun penyediaan tanah lapang menjadi suatu hasrat murni dalam pembangunan sesuatu kawasan untuk faedah dan kesejahteraan komuniti setempat sebagai tempat riadah, namun berkemungkinan terdapat sebahagian daripadanya telah disalah guna dengan aktiviti selain dari maksud penyediaan dan pewartaannya.

1.3 Persoalan Kajian

Sebagai panduan asas bagi tujuan merasionalkan yang meliputi keseluruhan kajian persoalan-persoalan kajian adalah penting diwujudkan.

Persoalan-persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah permasalahan penggunaan tanah lapang dalam skop kajian radius 5 km dari pusat Bandar Taiping.
- ii. Apakah faktor-faktor kekangan dan cabaran serta perundangan yang memberi impak serta mempengaruhi perancangan dan kaedah penyelesaian masalah penggunaan tanah lapang dalam skop kajian radius 5 km dari pusat Bandar Taiping.

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kawasan tanah lapang dan tahap penggunaan yang dilakukan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan ke atas tanah lapang tersebut sebagai kawasan kemudahan riadah dan rekreasi masyarakat atau komuniti setempat. Kajian permasalahan ini juga adalah untuk mengenalpasti punca-punca serta faktor berlakunya permasalahan, kekangan atau halangan serta implikasi yang dihadapi dari agensi yang terlibat berkaitan penggunaan tanah lapang.

1.5 Objektif Kajian

Dengan menjalankan kajian ini dijangka beberapa matlamat objektif kajian dapat dicapai seperti berikut:-

- i. Mengetahui tanah-tanah lapang dalam radius 5 km dari pusat Bandar Taiping.
- ii. Mengetahui penggunaan tanah-tanah lapang dalam radius 5 km dari pusat Bandar Taiping.
- iii. Mengetahui faktor permasalahan yang wujud terhadap penggunaan tanah-tanah lapang dalam radius 5 km dari pusat Bandar Taiping.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini difokuskan dalam lingkungan 5 km dari pusat Bandar Taiping yang melibatkan agensi kerajaan yang bertanggungjawab secara langsung di dalam pengurusan dan penggunaan tanah lapang di daerah Larut Matang iaitu Majlis

Perbandaran Taiping. Kajian ini melibatkan pengumpulan data-data tanah lapang yang ada di agensi berkaitan dalam radius lingkungan 5 km dari pusat Bandar Taiping.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri di dalam mengenalpasti kaedah-kaedah yang terbaik bagi penggunaan tanah lapang. Penggunaan tanah lapang adalah sesuatu yang memberi manfaat kepada komuniti masyarakat setempat. Pengurusan dan penggunaan tanah lapang yang mempunyai kemudahan yang secukupnya adalah sesuatu yang perlu bagi mewujudkan suasana kelastarian yang dapat melahirkan gaya hidup komuniti masyarakat sejahtera dan sihat.

Selain dari itu hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan juga rujukan kepada agensi-agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah untuk memperhalusi penguatkuasaan undang-undang, dasar dan polisi sedia ada agar dapat menambah baik prosedur dan polisi dari masa ke semasa. Bagi tujuan merancang, penyediaan kawasan tanah lapang yang bersesuaian merupakan elemen penting agar dapat memaksimumkan penggunaannya sebelum kelulusan sesuatu projek skim perumahan diluluskan.

Berdasarkan objektif di atas, diharapkan juga kajian ini memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terbabit secara langsung :

i. **Pentadbiran Kerajaan Negeri**

Dengan mengenalpasti lokasi tanah lapang yang tidak digunakan akan memudahkan pihak kerajaan menetapkan dan merangka dasar atau polisi bagi memastikan penggunaan dan pembangunan tanah secara maksimum dilaksanakan oleh agensi pentadbiran daerah berdasarkan kajian terhadap punca-punca dan faktor penyebab tanah lapang tidak dapat digunakan dan juga kajian terhadap dasar-dasar, polisi dan undang-undang yang terpakai pada masa kini. Mendapat maklumbalas dari

agensi berkaitan penggunaan tanah lapang serta mengenalpasti lokasi kawasan tanah lapang yang strategik.

ii. Agensi Kerajaan Negeri dan Daerah

Kajian ini boleh membantu agensi-agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah untuk mengkaji semula prosedur dan proses-proses sedia ada di dalam menangani permasalahan yang timbul berkaitan dengan penggunaan tanah lapang agar dapat menambah baik prosedur dan polisi dari masa ke semasa. Kajian ini juga melihat punca dan permasalahan penggunaan tanah lapang dari perspektif jabatan kerajaan yang dapat memberikan pandangan dari sudut berbeza tentang keberkesanan dan penambahbaikkan proses sedia ada.

iii. Masyarakat


Hasil kajian ini memberi ruang dan peluang kepada komuniti masyarakat setempat untuk menikmati gaya hidup yang sejahtera dan sihat dengan mematuhi pelaksanaan garis panduan yang ditambah baik agar dapat memberikan keselesaan dan keselamatan kepada mereka dari kacau gangu akibat dari fenomena tanah lapang yang tidak digunakan.

1.8 Metodologi Kajian

Kaedah kajian tinjauan merupakan kaedah penyelidikan yang mengumpul data atau maklumat secara terus dari subjek kajian atau responden. Kaedah kajian ini dipilih kerana ianya dapat mengumpul data secara terus dan juga tidak memerlukan tempoh masa yang lama bagi pengumpulan data. Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan bagi mengenalpasti punca dan permasalahan tanah lapang radius 5 km dari pusat Bandar Taiping serta mengkaji pelaksanaan undang-undang, dasar, peraturan dan polisi sedia ada di dalam menangani isu-isu tanah lapang. Penulisan ini merangkumi beberapa peringkat kajian sebagaimana berikut :

- i. Peringkat Kajian Awalan
- ii. Peringkat Pengumpulan Data
- iii. Peringkat Analisis Kajian
- iv. Peringkat Kesimpulan Dan Cadangan

Kaedah kajian yang bersesuaian amat penting bagi setiap pengkaji mencapai objektif dan matlamat kajiannya (Chua Yan Piaw, 2014). Kajian ini bertujuan bagi melihat keberkesanan kaedah penggunaan tanah lapang yang telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan di daerah Larut Matang, Taiping dan juga mengenalpasti cabaran yang dihadapi untuk memaksima penggunaan tanah lapang tersebut. Secara ringkasnya hubungkait metodologi dalam kajian adalah seperti rajah 1.1:-



Rajah 1. 1 Peringkat-peringkat metodologi kajian.

Sumber : Pengkaji (2020)

Rajah 1.1 menerangkan tentang peringkat-peringkat metodologi kajian di dalam menyempurnakan penyelidikan bagi mencapai matlamat dan objektif kajian. Ianya bermula dari peringkat awalan yang meliputi mengenalpasti masalah, menetapkan objektif, skop, kepentingan kajian, metodologi dan kajian literatur bagi menyokong penyelidikan yang dibuat oleh pengkaji.

Peringkat pengumpulan data melibatkan kaedah-kaedah tertentu seperti kaedah temubual, soal selidik, lawatan tapak dan sebagainya yang diguna pakai bagi mendapatkan data-data untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian dan seterusnya menilai tahap pencapaian objektif kajian melalui sumber-sumber data primer dan data sekunder.

Peringkat analisis data melibatkan analisis kajian melalui data-data primer yang diperolehi dan disokong oleh data-data sekunder bagi memperkukuhkan lagi hasil keputusan kajian. Perbincangan dibuat berdasarkan analisis data-data yang ada, dijelaskan sama ada di dalam bentuk jadual, gambarajah, pernyataan atau dialog langsung.

Peringkat kesimpulan dan cadangan menerangkan dalam bentuk huraian dari analisis data yang didapati sama ada objektif kajian tercapai atau sebaliknya, pendedahan terhadap limitasi kajian serta cadangan penambahbaikan dan kajian lanjutan juga ditunjukkan sebelum satu rumusan akhir dibuat meliputi keseluruhan kajian yang dijalankan.

Khusus bagi kajian ini, pengkaji ingin lebih mengetahui permasalahan yang berlaku terhadap tanah lapang terutama dari aspek penggunaan dan pembangunanya, maka kajian berbentuk kualitatif lebih sesuai digunakan. Kajian ini bukan bersifat eksperimental tetapi lebih menjurus kepada kajian kes berbentuk ilmiah yang menumpukan kepada kumpulan individu atau organisasi tertentu (Norhidayah Md Yunus, 2014).

Data-data penyelidikan diperolehi melalui kaedah temu bual yang memfokuskan kepada penerangan dan kefahaman terhadap responden yang tertumpu pada satu unit kecil sosial seperti pemilihan responden yang telah ditentukan kategorinya, lokasinya, perjawatannya dan lain-lain lagi berdasarkan kes yang dikaji (Norhidayah Md Yunus, 2007).

1.8.1 Reka Bentuk Kajian

Norhidayah Md Yunus (2007) menjelaskan bahawa rekabentuk kajian perlu dibangunkan terlebih dahulu agar pengkaji dapat lebih memahami tentang persoalan penyelidikan serta menentukan kaedah terbaik untuk mencapai objektif kajian. Rekabentuk kajian secara diskriptif dibuat agar satu penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri suatu populasi, bidang kajian, persampelan penyelidikan dibuat secara tepat. Khusus bagi kajian ini, pengkaji ingin lebih mengetahui permasalahan yang berlaku semasa pelaksanaan prosedur-prosedur pengurusan tanah terbiar, maka kajian berbentuk kualitatif lebih sesuai digunakan.

Objektif pertama kajian bagi melihat kepada kaedah-kaedah penyelesaian permasalahan penggunaan tanah lapang radius 5 km dalam kawasan operasi Majlis Perbandaran Taiping.

Objektif kedua kajian menjurus kepada melihat kepada faktor-faktor halangan terhadap penggunaan tanah lapang di dalam kawasan operasi Majlis Perbandaran Taiping menurut perspektif jabatan.

1.8.2 Pengumpulan Data

Data-data penyelidikan diperolehi melalui kaedah temu bual yang memfokuskan kepada penerangan dan kefahaman terhadap responden yang tertumpu pada satu unit kecil sosial seperti pemilihan responden yang telah ditentukan

kategorinya, lokasinya, perjawatannya dan lain-lain lagi berdasarkan kes yang dikaji (Norhidayah Md Yunus, 2007). Pemilihan kaedah yang bersesuaian bagi pengumpulan data adalah penting bagi merealisasikan pencapaian objektif dan matlamat kajian iaitu bagi menambah baik kaedah pengurusan tanah lapang sedia ada di Majlis Perbandaran Taiping. Di dalam penyelidikan penulis, responden adalah terdiri dari pegawai-pegawai di Majlis Perbandaran Taiping. Pengumpulan data terbahagi kepada data primer dan data sekunder.

1.8.3 Pengumpulan Data Primer

Bagi mendapatkan data primer, kaedah temu bual secara bersemuka digunakan dan juga lawatan tapak. Kaedah temu bual ini dipilih adalah kerana kadar tindakbalas adalah lebih baik dan penulis dapat memandu secara langsung responden untuk memberikan maklumbalas sebagaimana yang dikehendaki. Menurut Chua Yan Piaw (2014), kaedah temu bual merupakan satu interaksi di antara dua pihak bagi mendapatkan data. Melalui temu bual ini juga, maklumat maklumat tambahan seperti fakta-fakta tentang kejayaan, faktor-faktor halangan berkaitan penggunaan tanah lapang dapat diketahui dan diperjelaskan oleh responden.

i. Lawatan tapak

Lawatan tapak dibuat bagi mengetahui bagaimana keadaan tanah lapang terbiar dari segi maklumat seperti keadaan fizikal tanah, kedudukan tanah dan keadaan persekitarannya.

ii. Kaedah Temu bual

Pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual terdapat tiga (3) jenis iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua Yan Piaw, 2014).

- a) Temu bual berstruktur dibuat secara formal, senarai soalan disediakan dengan teliti dan setiap soalan perlu dijawab oleh responden. Temu bual berstruktur ini mempunyai soalan yang sama bagi setiap responden bertujuan agar dapat memberi rangsangan yang serupa kepada semua responden supaya data-data yang didapati dapat dibezakan dengan tepat. Setiap soalan yang dibuat mestilah membawa maksud yang sama bagi setiap responden dan setiap responden juga mempunyai kefahaman yang sama pada setiap soalan yang dikemukakan. Pengkaji tidak memberikan apa-apa penjelasan kepada responden semasa temubual dijalankan.
- b) Temu bual semi struktur. Merupakan kaedah temu bual gabungan di antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Ada soalan-soalan formal dan penemu bual boleh menyoal balas responden semasa temu bual dijalankan dengan soalan-soalan spontan bagi mendapatkan data atau maklumat lebih lanjut. Wujud galakan atau dorongan minimum dari penemu bual kepada responden agar dapat memberikan jawapan yang lebih tepat.
- c) Temu bual tidak berstruktur. Kaedah temu bual yang dijalankan secara spontan dan penemu bual bebas mengutarakan pelbagai soalan mengikut situasi dan individu yang ditemu bual.

Pengkaji memilih kaedah temu bual secara gabungan di antara semi struktur dan tidak berstruktur, di mana soalan-soalan temu bual telah disediakan sebelum sesi perjumpaan dibuat dan soalan-soalan yang dikemukakan ada yang menjurus kepada jawapan bagi persoalan kajian, ada yang tertumpu kepada pandangan dan pendapat profesional dan ada yang menentukan kelayakan pegawai yang menjadi responden. Di samping itu juga, pengkaji akan menjalankan temu bual secara fleksibel serta pertanyaan balas kepada responden bagi mendapatkan tambahan maklumbalas serta memastikan sampel kajian dapat atau berupaya memberikan data-data yang dikehendaki pengkaji. Bagi objektif pertama, pengkaji ingin mengetahui prestasi pelaksanaan pembangunan tanah lapang terbiar yang sedia ada di jabatan-jabatan persampelan pilihan manakala bagi objektif kedua, kajian tertumpu kepada melihat faktor-faktor cabaran dan halangan yang dihadapi oleh para responden semasa

melaksanakan pembangunan tanah lapang terbiar ini agar sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat terus dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Chua Yan Piaw (2014) menjelaskan soalan temu bual mempunyai tiga (3) bentuk iaitu soalan utama, soalan tambahan dan soalan penerokaan. Soalan utama berbentuk soalan struktur yang membantu pengkaji mencapai objektif kajian.

Soalan tambahan bertujuan bagi mengesahkan maklum balas yang diberikan oleh responden berdasarkan kredibilitinya dan tanggungjawabnya. Soalan penerokaan lebih menjurus kepada soalan tidak berstruktur yang dikemukakan secara spontan oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumbalas yang lebih tepat ataupun data-data tambahan atau sokongan. Kajian ini menggunakan gabungan ketiga-tiga jenis soalan di atas di mana pengkaji memerlukan data-data dan maklumat-maklumat tambahan dan sokongan untuk menyempurnakan analisa dan rumusan kajian. Borang temu bual yang tersusun dan teratur dengan format-format yang tertentu memudahkan pengkaji untuk menganalisa data dan seterusnya mengenalpasti tahap pencapaian objektif kajian serta membuat rumusan hasil dari analisa data-data yang diperolehi (Nurul Izzati Tarmizi, 2015)

Set soalan temu bual disediakan sebanyak satu (1) set bagi Majlis Perbandaran Taiping yang mengandungi lima belas (15) soalan, Set soalan temu bual ini mengandungi tiga (3) bahagian di mana bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut :-

- a) Bahagian A berkaitan maklumat tentang latar belakang responden yang akan menentukan samada responden adalah seorang yang layak untuk ditemu bual (Norhidayah Md Yunus, 2014). Kelayakkan seseorang responden yang ditemu bual amatlah penting bagi menentukan kesahihan maklumat, kebolehpercayaan maklumat dan juga data-data yang diberi adalah betul dan tepat. Maklumat latar belakang responden ini dapat membantu pengkaji untuk membuat rujukkan silang sekiranya berlaku pencanggahan pendapat yang disebabkan perbezaan tanggungjawab bagi penggunaan tanah lapang .

- b) Bahagian B adalah soalan-soalan yang dirangka bagi mencapai objektif pertama iaitu mengkaji sejauh mana pembabitan dan peranan Majlis Perbandaran Taiping terhadap penggunaan tanah lapang. Bahagian B ini lebih menumpukan kepada pengumpulan data-data berbentuk kaedah pelaksanaan, kaedah pengesanan lot-lot tanah lapang dan tahap penggunaan tanah lapang.
 - c) Bahagian C lebih tertumpu kepada mengkaji faktor-faktor yang memainkan peranan bagi menjayakan penggunaan tanah lapang dan faktor-faktor yang mengekang penggunaan tanah lapang yang seterusnya akan menjadi permasalahan kepada komuniti masyarakat setempat dan pihak kerajaan. Bahagian ini juga mengkaji tentang jenis aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan bagi penggunaan tanah lapang dan siapakah yang mempengaruhi di dalam menentukan kejayaan bagi penggunaan tanah lapang.
- iii. Pemilihan Sampel Kajian

Sampel kajian atau responden adalah terdiri dari individu-individu yang terlibat secara langsung dengan perancangan dan pengurusan tanah lapang dalam operasi Majlis Perbandaran Taiping. Dalam kajian ini, semua responden yang dipilih telah dikenalpasti dan teknik persampelan bertujuan digunakan. Iaitu pemilihan sampel kajian telah ditetapkan dengan ciri-ciri tertentu dan bukan secara rawak (Chua Yan Piaw, 2014). Responden ini adalah terdiri dari para pegawai kerajaan seramai 10 orang dari Majlis Perbandaran Taiping. Kod responden yang akan digunakan bagi tujuan analisis data.

1.8.4 Pengumpulan Data Sekunder

Data sekunder diperolehi melalui akta-akta, undang-undang bertulis, kertas kertas minit, pembentangan kertas kerja, prosedur-prosedur, dokumen-dokumen seperti Kanun Tanah Negara, Undang-undang Kecil Majlis Perbandaran Taiping, Akta Kerajaan Tempatan, Garis Panduan Pembangunan Kawasan Brownfield Jabatan Perancang Bandar Dan Desa yang diperolehi dari jabatan-jabatan yang

bertanggungjawab di dalam proses penyediaan dan penggunaan tanah lapang. Data-data sokongan juga diperolehi dari jurnal-jurnal, buku-buku, artikel-artikel, akhbar, majalah, laman web dan sebagainya yang dapat memberikan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan.

1.8.5 Analisis Data

Kajian akhir diperolehi melalui analisis maklumat dari data primer iaitu lawatan tapak, temubual dan dari data sekunder di sepanjang kajian ini dijalankan. Kaedah analisis kualitatif digunakan bagi menganalisa data primer yang dikumpul dari responden hasil dari soalan-soalan yang dikemukakan di mana huraian dan penjelasan terhadap jawapan-jawapan yang diperolehi lebih menjurus dari sudut pandangan, pemerhatian dan fokus kepada kumpulan tertentu. Perbezaan di antara analisis kualitatif dan analisis kuantitatif boleh dilihat dari bentuk soalan yang dikemukakan seperti 'apakah', 'bagaimanakah', 'mengapakah' untuk sesuatu fenomena kajian berbanding soalan yang berbentuk angka atau bilangan seperti 'berapakah' yang biasanya digunapakai bagi analisis kualitatif yang memerlukan data numerikal dan ketepatan (Chua Yan Piaw, 2014). Kaedah kualitatif ini mempunyai tiga kaedah pengumpulan data iaitu temubual tidak berstruktur, pemerhatian dan soal selidik berbentuk esei dan mempunyai bilangan subjek yang kecil. Chua Yan Piaw (2014). Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah kualitatif bagi pengumpulan data berdasarkan kaedah temubual yang lebih bersifat terbuka untuk mendapatkan pandangan bagi menambah baik kaedah pembangunan tanah tanah lapang yang sedia ada. Pengumpulan data yang diperolehi melalui jawapan yang diberikan oleh para responden dan maklumat yang diperolehi hasil dari setiap soalan temu bual akan digabungkan, dikombinasikan, segala maksud yang ingin disampaikan oleh responden akan difahami, diperjelaskan dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, gambar rajah, huraian dan penerangan. Rangka jangkamasa dan proses perancangan kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.1 berikut

Jadual 1. 1 Rangka Jangkamasa dan Proses Perancangan Kajian

AKTIVITI	Tempoh Jangkamasa (Bulan)
Mengenalpasti masalah, penetapan objektif kajian	1/2
Kajian literatur	1
Rekabentuk kajian, penetapan kaedah kajian	1
Pungutan data, kajian kes	2
Analisis data kajian, penemuan	1
Cadangan dan kesimpulan	1/2

Sumber pengkaji 2020

1.9 Susun Atur Bab

Pembahagian tesis ini mengandungi lima bab iaitu bab pengenalan dan metodologi kajian, bab kajian literatur berkaitan pengurusan tanah lapang, bab analisa data dan bab kesimpulan serta cadangan dan kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah dan penyelesaian penggunaan tanah lapang khususnya dalam ruang skop sempadan kawasan kajian. Setiap bab yang ditulis, akan diperincikan dan dijelaskan melalui perbincangan-perbincangan lanjut dan kombinasi bab-bab ini akan menghasilkan penulisan tesis berkaitan kaedah penyelesaian penggunaan tanah lapang.

Bab pertama adalah pengenalan yang menerangkan tentang keseluruhan kajian yang dijalankan iaitu apa yang hendak dikaji, mengapa kajian ini perlu dilaksanakan dan apakah matlamat yang diharapkan dari kajian yang dilaksanakan. Melalui bab pertama penulis menjelaskan mengenai pernyataan masalah bagi menerangkan isu-isu berbangkit yang mempunyai motif bagi tujuan yang membolehkan kajian ini dilaksanakan bagi pencapaian pada akhir kajian turut ditetapkan melalui matlamat dan objektif kajian yang merangkumi skop kajian. Manfaat dari hasil kajian ini telah

diterangkan dengan lebih terperinci yang dijelaskan melalui kepentingan kajian dan bahagian metodologi kajian.

Bab kedua berkaitan bab kajian literatur. Kajian literatur ini menghuraikan tentang kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu berkaitan definasi tanah lapang, faktor-faktor kewujudan tanah lapang, kaedah pengurusan bagi menangani isu-isu tanah lapang. Sumber maklumat boleh diperolehi dengan merujuk kepada buku hasil penulisan dan juga pelbagai sumber lain seperti internet, kertas kerja, minit mesyuarat, pelbagai dokumen dan sebagainya.

Bab ketiga membincangkan tentang kajian kes yang telah diambil iaitu perancangan dan pengurusan tanah lapang di dalam kawasan operasi Majlis Perbandaran Taiping. Kawasan kajian adalah dalam radius 5 km dari pusat Bandar Taiping yang terletak di Daerah Larut Matang, Perak. Kajian kes ini melibatkan pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Taiping. Perbincangan terperinci diperjelaskan bermula dengan latar belakang kawasan kajian, keluasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan, pelan perancangan pemajuan kawasan, peranan dan fungsi agensi. Bagi membolehkan matlamat dan objektif kajian tercapai maka perlu diketahui data-data asas berkaitan dengan tanah lapang sedia ada dalam sempadan skop kajian yang ada di jabatan-jabatan ini dan bagaimana peranan yang dilaksanakan di dalam pengurusan tanah lapang ini. Kerja-kerja di lapangan yang dijalankan bagi mengenalpasti tanah-tanah lapang dari segi aspek lokasi tanah, keadaan tanah, struktur tanah dan faktor-faktor sekeliling yang mempengaruhi sesuatu kawasan tanah lapang.

Bab keempat menerangkan mengenai kaedah dan analisis kajian yang dijalankan. Kaedah yang dipilih semasa mengumpul data primer dan kaedah yang digunakan bagi menganalisis data yang dikumpul akan diterangkan secara ringkas sebelum hasil analisis kajian yang diperolehi diterangkan. Perbincangan tertumpu kepada hasil analisis kajian yang didapati berdasarkan objektif kajian. Analisis kajian yang dijalankan berdasarkan kepada kaedah penyelesaian tanah lapang dalam lingkungan radius 5 km dari pusat Bandar Taiping. Analisis kajian bertumpu kepada faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya masalah tanah lapang, cabaran yang dihadapi oleh agensi-agensi kerajaan yang dipertanggungjawab terhadap pengurusan

tanah lapang serta kekangan perundangan yang ada bagi mencari kaedah-kaedah penyelesaian penggunaan tanah lapang menurut perspektif agensi terbabit.

Bab kelima menerangkan tentang penemuan dan pencapaian objektif kajian. Hasil analisis objektif kajian dihuraikan sama ada tercapai atau sebaliknya. Ianya juga mengandungi rumusan terhadap keseluruhan kajian yang dijalankan. Penulis akan menjelaskan penemuan serta dapatan kajian yang telah dirangka pada awal kajian yang berdasarkan daripada hasil analisis kajian yang telah dijalankan. Akhirnya penulis memberi cadangan-cadangan kaedah untuk penyelesaian masalah penggunaan kawasan tanah lapang berpandukan hasil analisis kajian yang telah dilaksanakan dan mencadangkan beberapa kajian lanjutan untuk pengkaji lain meneruskan kajian tentang asapek-aspek yang tidak dapat dilaksanakan melalui kajian ini kerana faktor limitasi kajian yang dihadapi. Sebagai penutup, satu kesimpulan lengkap dibuat tentang keseluruhan kajian yang telah dilaksanakan.

RUJUKAN

- Akta Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965] & Peraturan-peraturan (Pindaan sehingga 05 November 2019), International Law Book Services
- Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) & PU (A) 442/2010 (Pindaan 2017) International Law Book Services
- Bayliss, D. (1971). Britain in the year 2000: some issues for planners. *Long Range Planning*. April: 65-69.
- Bengston, D. N., Fletcher, J. O. & Nelson, K. C. (2004). "Public policies for managing urban growth and protecting open space: policy instruments and lessons learned in the United States." *Landscape and Urban Planning* **69**(2-3): 271-286.
- Byrne, J. and Sipe, N. (2010). Green and open space planning for urban consolidation—A review of the literature and best practice. *Issues Paper*, 11.
- Byrne, J., Sipe, N. and Searle, G. (2010). Green around the gills? The challenge of density for urban greenspace planning in SEQ. *Australian Planner*, 47(3), 162-177.
- CABE Space. (2004). Green space strategies: a good practice guide.
- Carson, J. (1972). A national urban growth policy: meaning & measures for its implementation, presented paper to the 54th Annual Conference of the American Institute of Planners held in San Francisco, October 1971. Publish in *Urban Land*. February: 3-10.
- Chen, Liu, T., Xie, X. and Marušić, B. G. (2016). What attracts people to visit community open spaces? A case study of the Overseas Chinese Town community in Shenzhen, China. *International journal of environmental research and public health*, 13(7), 644.
- Chua Yan Piaw (2014) Kaedah Penyelidikan (Buku 1) Edisi ketiga, McGraw-Hill, ISBN 9789670761046
- Fleischer, A. and Tsur, Y. (2003). Measuring the recreational value of open space. *Journal of Agricultural Economics*, 54(2), 269-283.
- Givoni, B. (1991). Impact of planted areas on urban environmental quality: a review. *Atmospheric Environment. Part B. Urban Atmosphere*, 25(3), 289-299.

- Goh Ban Lee (1980), *A Review Of Land Policy And Land Policy Measures In Malaysia*, *Habitat International*, Vol 4 No 4/5/6 pp 471-583
- Google earth 01.01.2021
- Harvey, F. (2011). UK Green Spaces worth at Least£ 30bn a Year in Health and Welfare Report Finds. *The Guardian. Guardian News and Media*. <http://www.guardian.co.uk/environment/2011/jun/02/uk-green-spaces-value>.
- Heidt, V. and Neef, M. (2008). Benefits of urban green space for improving urban climate *Ecology, Planning, and Management of Urban Forests* (pp. 84-96): Springer.
- <http://www.jpbd.perak.gov.my> dilayari pada 20.12.2020
- <http://www.mpt.taiping.gov.my> (2020) dilayari pada 21.12.2020
- <http://www.water.gov.my> (2020) dilayari pada 21.12.2020
- Idris, M. (2010). *Pewartaan kawasan lapang di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 (Kajian Kes: Kawasan pentadbiran Majlis Daerah Pontian)*. (Master), Universiti Teknologi Malaysia (Tesis), Skudai, Johor.
- Ibrahim, P. H., Dali, M. M. and Yusoff, S. Y. M. (2013). Implementation of open space: The need for uniform policy. *Journal of Sustainable Development*, 6(7), 16.
- Ibrahim, P. H. (2015). *Masalah pengurusan kawasan lapang oleh pihak berkuasa tempatan di Malaysia*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan, Komunikasi, Kemanusiaan, Sains Sosial dan Sains 2015 (PeKS 2015), Universiti Sains Islam Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/283299316_MASALAH_PENGURUSAN_KAWASAN_LAPANG_OLEH_PIHAK_BERKUASA_TEMPATAN_DI_MALAYSIA
- Jordan, H. (2002). Historic Public Parks: Improving a vital community asset. *Conservation bulletin*(43), 18-20.
- JPBD Semenanjung Malaysia. (2000). *Garis panduan dan Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi*. Kuala Lumpur: JPBD Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- JPBD Semenanjung Malaysia. (2005a). *Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejahtera (Edisi Kedua)*. In Malaysia, J. S. (Ed.). Malaysia: JPBD Semenanjung Malaysia.

- Kanniah, K. D. and Ho, C. S. (2017). Urban Forest Cover Change and Sustainability of Malaysian Cities. *Chemical Engineering Transactions*, 56, 673-678. DOI:10.3303/CET1756113
- Keller, D. S. and Wilson, A. (1994). Affectivity in cocaine and opiate abusers. *Psychiatry*, 57(4), 333-347.
- Kuo, F. E. and Sullivan, W. C. (2001). Aggression and violence in the inner city effects of environment via mental fatigue. *Environment and behavior*, 33(4),543-571.
- Lee, A. C. K., Jordan, H. C. and Horsley, J. (2015). Value of urban green spaces in promoting healthy living and wellbeing: prospects for planning. *Risk management and healthcare policy*, 8, 131.
- Maas, J., Verheij, R. A., Groenewegen, P. P., De Vries, S. and Spreeuwenberg, P. (2006). Green space, urbanity, and health: how strong is the relation? *Journal of epidemiology and community health*, 60(7), 587-592.
- Maruani, T. and Amit-Cohen, I. (2007). Open space planning models: A review of approaches and methods. *Landscape and urban planning*, 81(1), 1-13. JPBD Negeri Selangor. (2013). *Buletin Rancang Selangor*. Selangor: JPBD Negeri Selangor.
- McNaughten, P. and Urry, J. (2000). Bodies of nature: introduction.
- Md Said @ Mohd. Zaid Abdullah dan Ismail Omar (2012), *Pembangunan Tanah & Halangannya*, Universiti Teknologi Malaysia
- Mensah, C. A., Andres, L., Perera, U. and Roji, A. (2016). Enhancing quality of life through the lens of green spaces: A systematic review approach. *International Journal of Wellbeing*, 6(1).
- Melasutra, Md Dali. (1998). Persepsi terhadap kawasan lapang dan relevansinya dalam masyarakat kini dalam Mohd. Razali, A. and Fashbir, N. S. (eds.). *Pembangunan sosial dan ekonomi di Malaysia*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: pp 180-189.
- Mohd Yusof, M. J. (2013). True colours of urban green spaces: identifying and assessing the qualities of green spaces in Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nicol, C. and Blake, R. (2000). Classification and use of open space in the context of increasing urban capacity. *Planning practice and research*, 15(3), 193-210.
- Nor Akmar, A. A., Konijnendijk, C. C., Sreetheran, M. and Nilsson, K. (2011). Greenspace planning and management in Klang Valley, Peninsular Malaysia. *Arboricult. Urban For*, 37, 99-107.

- Nor Azian, Mohd Hanafiah. (2008). Amalan pengurusan landskap yang efektif : kajian kes projek taman rekreasi oleh pihak berkuasa tempatan negeri Perak. Unpublished Master Thesis. Universiti Sains Malaysia.
- Norhidayah Md Yunus (2007), Gelagat Peserta Felcra Terhadap Pampasan Dalam Pengambilan Tanah Menurut Pendekatan Humanism, Tesis Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Norhidayah Md Yunus (2014), Faktor Kejayaan Kritikal Dalam Melaksanakan Pelan Induk Operasi Dan Penyenggaraan Aset Tak Alih, Tesis Doktor Falsafah (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Nurul Izzati Tarmizi (2015), Pelarasan Garis Panduan Dalam Prosedur Penyerahan Lombong Kuari, Tesis Sarjana Sains (Pentadbiran Dan Pembangunan Tanah), Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Phang, Siew Nooi (2000). Financial challenges for local government in the new millennium and the way forward. *Habitat Malaysia*. No. 3: September, pp. 76-80
- Planning Institute of Australia.(2009). Design Principle – Parks and Open Space dilayari dari :- <https://www.healthyplaces.org.au/userfiles/file/Parks%20and%20Open%20Space%20June09.pdf>. Di akses pada 05 Disember 2020.
- Planning Northern Ireland.(2014). PPS 8: Open Space, Sport and Outdoor Recreation, Annex A: Definition of Open Space. Dilayari dari https://www.planningni.gov.uk/index/policy/planning_statements/pps08/pps08_annexes/pps08_annex_a.htm. Di akses pada 06 Disember 2020.
- Rakhshandehroo, M. and Yusof, M. J. M. (2014). *Establishing new urban green spaces classification for Malaysian cities*. Paper presented at the IFLA 2014 Asia Pacific Congress.
- Salingaros, N.A. (2005). *Principles of Urban Structure*. Amsterdam: Techne Press.
- Salleh Buang (2014), *Land Tenure In Peninsular Malaysia, Prospects For Reform*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Sa, T. T. (1994). Current state Green space in Kuala Lumpur. *Malaysian journal of tropical geography*, 25(2), 115-127.

- Scottish Executive. (2005). Minimum Standards for Open Space. *Edinburgh: Ironside Farrar Ltd*. Planning Advice Note: PAN 65: Planning and Open Space (2008).
- Sugiyama, T., Francis, J., Middleton, N. J., Owen, N. and Giles-Corti, B. (2010). Associations between recreational walking and attractiveness, size, and proximity of neighborhood open spaces. *American Journal of Public Health, 100*(9), 1752-1757.
- Swanwick, C., Dunnett, N. and Woolley, H. (2003). Nature, role and value of green space in towns and cities: An overview. *Built environment, 29*(2), 94-106.
- The Government of the Hong Kong Special Administrative Region. (2015). *Chapter 4 : Recreation, Open Space and Greening*. Hong Kong: The Government of the Hong Kong Special Administrative Region, Dilayari dari http://www.pland.gov.hk/pland_en/tech_doc/hkpsg/full/ch4/pdf/ch4.pdf.
- Thompson, C. W. (2002). Urban open space in the 21st century. *Landscape and urban planning, 60*(2), 59-72.
- Thompson, S. (2008). Design for Open Space Factsheet - Your Development
- Thompson, C. W., Roe, J., Aspinal, P., Mitchell, R., Clow, A. and Miller, D. (2012). More green space is linked to less stress in deprived communities: Evidence from salivary cortisol patterns. *Landscape and Urban Planning, 105*(3), 221-229.
- United States Environmental Protection Agency.(2017, 10 April 2017). What is Open Space/Green Space? Retrieved from <https://www3.epa.gov/region1/eo/uep/openspace.html>. Accessed on 18 Jun 2018.
- Woolley, H. (2003). *Urban open spaces*: Taylor & Francis.
- World Wide Fund.(2008). Joint statement on Urban Green Areas by WWF-Malaysia and the Malaysian Nature Society. Dilayari dari <http://www.wwf.org.my/?uNewsID=6520>. Di akses pada 20 Desember 2020
- Zhou, X. and Parves Rana, M. (2012). Social benefits of urban green space: A conceptual framework of valuation and accessibility measurements. *Management of Environmental Quality: An International Journal, 23*(2), 173-189.